

20 DEC 2002

PEKERJA KTM BHD TERIMA BONUS

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Para pekerja Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTM Bhd) akan menerima bonus masing-masing pada 26 Dis ini bersama-sama dengan bayaran gaji bulan ini.

"Mesej persetujuan kerajaan ini telah disampaikan melalui surat oleh Perbendaharaan," kata Presiden Kesatuan Pekerja-Pekerja Keretapi Tanah Melayu Bhd (KPPKTMB) Abdul Razak Md Hassan.

Beliau berkata kesatuan menyifatkan bonus yang diberikan itu bersesuaian dan mengikut kadar minimum RM1,200 atau sebulan gaji yang diberikan kepada kakitangan awam.

Katanya KPPKTMB amat berbesar hati dan berterima kasih kepada Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana "merestui" pemberian bonus itu kepada semua kakitangan KTM Bhd.

Katanya pemberian bonus seumpama itu jelas membuktikan keprihatinan kerajaan menjaga kebajikan kakitangan dari golongan yang berpendapatan rendah bagi meringankan beban perbelanjaan peralatan persekolahan anak-anak mereka dan beban tanggungan persiapan Hari Raya baru-baru ini.

-- BERNAMA

FA AHH RHM